

Kerajaan Masih Beri Perhatian Pendapat Badan Peguam - PM
Mstar Online
26 September, 2012

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Badan Peguam Malaysia tetap menjadi rakan penting dalam kedaulatan undang-undang dan pentadbiran keadilan negara walaupun kerajaan tidak semestinya sentiasa bersetuju dengan pandangan dan beberapa aktiviti yang dijalankan badan itu.

Perdana Menteri berkata, walaupun sesekali ada perbalahan atau pertelingkahan dalam politik dan profesion undang-undang, kerajaan masih mendengar apa yang diperkatakan badan itu dan memberi perhatian kepada apa yang mereka lakukan.

"Kita mungkin adakalanya membuat lawak mengenai peguam, tapi mereka bagaimanapun mempunyai peranan yang unik dan penting di negara ini," kata Najib pada Persidangan Antarabangsa Undang-Undang Malaysia 2012, di sini Rabu.

Bagaimanapun Najib berkata, beliau sedar bahawa sesetengah pengamal undang-undang, terutama mereka yang di dalam komuniti hak asasi manusia, masih memilih untuk melihat dengan pandangan yang berbeza dari perspektif berlainan, walaupun kemajuan dalam undang-undang secara beransur-ansur telah diperkenal kerajaan sejak setahun lepas.

"Kepada mereka saya ingin katakan: Adalah lebih mudah untuk meruntuhkan sesuatu daripada membinanya. Seperti Rom yang tidak dibangunkan dalam sehari, pembinaan sebuah negara Malaysia yang adil, saksama dan demokratik tidak boleh dicapai semalaman," katanya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/9/26/mstar_berita/20120926133056&sec=mstar_berita